

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SEU 412 - Teori Ekonomi Lanjutan

Masa: [ 3 jam ]


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEBELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA (2) soalan dari Bahagian B. Jawapan kepada Soalan 1 hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan. Gunakan buku jawapan untuk menjawab soalan-soalan dari Bahagian B.


Bahagian A (60 markah)

Soalan 1

- (a) Di dalam kedua-dua rajah yang berikut, tunjukkan bahawa anggaran kehilangan lebihan pengguna akibat kenaikan harga barang bawahan dengan menggunakan keluk permintaan Marshall adalah bias ke atas.



Rajah 1 (a)




Rajah 1 (b)

[5 markah]

- (b) Andaikan bahawa penggunaan seorang individu bergantung kepada penggunaan orang lain. Adakah keluk permintaan pasaran yang diterbitkan dengan andaian ini lebih anjal atau kurang anjal berbanding dengan keluk permintaan pasaran yang tidak mengandaikan saling pergantungan antara penggunaan individu?

[4 markah]

- (c) Dalam Rajah 2, terdapat pengguna 1 yang mencapai keseimbangannya pada A dan pengguna 2 yang mencapai keseimbangannya pada B. Sekarang andaikan harga meningkat sebanyak 100% akibat penggunaan cukai eksais. Keseimbangan mereka berubah kepada C dan D masing-masing di mana pengguna 1 membeli kuantiti  $X_1$  dan pengguna 2 membeli kuantiti  $X_2$ . Sekarang katakan pencatutan kuantiti dilaksanakan dan setiap pengguna dibenarkan membeli  $X_3$ , yang sebenarnya adalah purata kuantiti antara  $X_1$  dan  $X_2$ . Disamping itu, cukai eksais tersebut itu dibatalkan. Dimanakah keseimbangan pengguna 1 dan 2 sekarang? Adakah utiliti masing-masing lebih baik daripada keadaan yang menggunakan cukai eksais tetapi tiada pencatutan kuantiti? Jelaskan.



Rajah 2

[5 markah]

- (d) Fungsi utiliti Yew Kong ialah  $U(W) = W^{1/2}$  dan kekayaan permulaannya ( $W_0$ ) ialah RM10,000. Beliau boleh membeli satu aset yang berharga RM10,000 yang mungkin memberi keuntungan kepadanya sebanyak RM1,000,000 dengan probabiliti  $1/20$ , atau RMO dengan probabiliti  $19/20$ . Kirakan nilai dijangka dan utiliti dijangka. Sanggupkah ia membeli aset itu? Sekiranya ia menyertai sekumpulan yang mengandungi 10 orang pelabur sahaja yang mana tiap-tiap pelabur menyumbangkan RM1000, apakah utiliti dijangkanya sekarang? Sanggupkah ia menyertai kumpulan pelabur tersebut dan membeli aset itu?

[5 markah]



- (e) Lukiskan satu rajah yang menunjukkan bentuk keluk puas sama untuk seorang pengecuai risiko. Jelaskan.

[4 markah]

- (f) Katakan anda membeli sebuah rumah yang memerlukan pengubahsuaian besar. Anda mengupah seorang arkitek yang mengenakan bayaran yang sama dengan 10% daripada jumlah kos pengubahsuaian rumah itu. Adakah masalah bencana moral wujud dalam kontrak ini? Jelaskan. Sekiranya ada, cadangkan satu kontrak baru yang dapat mengelakkan masalah bencana moral.

[4 markah]


- (g) Katakan terdapat dua jenis kereta terpakai sahaja di dalam pasaran, iaitu kereta berkualiti tinggi dan kereta berkualiti rendah. Semua kereta berkualiti tinggi adalah serupa dan semua kereta berkualiti rendah adalah serupa.



Dalam rajah 3(a) dan 3(b),  $D_H$ ,  $D_L$  menunjukkan keluk permintaan kereta berkualiti tinggi dan rendah masing-masing, manakala  $S_H$  dan  $S_L$  menunjukkan keluk penawaran kereta berkualiti tinggi dan rendah masing-masing. Tunjukkan bahawa jika wujudnya maklumat tak simetri dalam pasaran, pada akhirnya hanya sebanyak 40,000 unit kereta berkualiti rendah akan dijual pada harga RM12,000 setiap kereta. Tiada kereta berkualiti tinggi akan dijual. Jelaskan dan masukkan apa yang diperlukan dalam rajah 3(a) dan 3(b).

[6 markah]

- (h) Portfolio pelaburan Encik Maniam mengandungi kombinasi stok dengan bil perbendaharaan. Pulangan bil perbendaharaan ialah 6% manakala pulangan dijangka terhadap stok ialah 9% dengan sisihan piawai pulangan 3%. Sisihan piawai pulangan terhadap portfolionya ialah 2%. (Sila rujuk kepada Rajah 4).



- Berapakah peratusan daripada kekayaannya akan dilabur dalam stok?  
Berapakah pulangan dijangka ( $R_p$ ) terhadap portfolio pelaburannya?

[5 markah]

- (i) Tanpa pespekulasi yang sanggup mengambil risiko dalam pasaran hadapan, proses lindung nilai tidak dapat dilaksanakan. Setujukah anda? Jelaskan.

[4 markah]

- (j) Dalam keputusan penggunaan antara masa, seorang pengguna adalah pemberi pinjam dalam tempoh masa satu. Jelaskan bahawa pernyataan-pernyataan seperti berikut adalah benar, salah atau kurang pasti.
- (i) Apabila kadar faedah meningkat, pengguna ini masih seorang pemberi pinjam dalam tempoh masa satu.
  - (ii) Apabila kadar faedah menurun, pengguna ini masih seorang pemberi pinjam dalam tempoh masa satu.

[5 markah]

- (k) Secara ringkasnya, jelaskan konsep keseimbangan Nash.

[4 markah]



- (l) Katakan seorang pengguna mempunyai  $U = 3XY^2$ . Harga X dan harga Y adalah RM3 dan RM2 masing-masing dan pendapatannya adalah RM900. Berapakah kuantiti X dan Y yang memaksimumkan utilitinya? Andaikan pencatuan kuota dikenakan ke atas barang X dan Y. Setiap pengguna dibenarkan membeli 80 unit X dan 350 unit Y. Apakah kuantiti X dan Y dibeli sekarang?

[5 markah]

- (m) Jelaskan, secara ringkasnya andaian mengenai fungsi pengeluaran, gunatenaga dan susut nilai dalam model pertumbuhan dua-sektor Uzawa?

[4 markah]

**Bahagian B (40 markah)**

Jawab DUA (2) soalan. Gunakan buku jawapan untuk bahagian ini.

**Soalan 2**

- (a) Dalam pasaran pembaikan kereta, terdapat mekanik yang jujur dan yang tidak jujur. Terdapat juga mekanik yang berupaya dan yang tidak berupaya. Wujudkah masalah pilihan bertentangan dan bencana moral dalam pasaran ini? Apakah dasar kerajaan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan paras kejujuran dan keupayaan mekanik?  
[10 markah]
- (b) Dengan menggunakan contoh yang sesuai, bincangkan pengumpulan risiko sebagai satu skim insurans sendiri. Kenapakah pengumpulan risiko lebih sukar dilakukan terhadap kerosakan banjir berbanding dengan kerosakan kebakaran untuk sebuah kejiranan?  
[10 markah]

**Soalan 3**

- (a) Katakan pakaian berwarna hitam dianggap sebagai barang pantang larang atau tabu oleh satu masyarakat tertentu. Apakah bentuknya keluk permintaan pasaran pakaian berwarna hitam untuk masyarakat itu? Jelaskan dengan menggunakan satu rajah.  
[10 markah]
- (b) Andaikan di dalam pasaran modal, terdapat beribu-ribu peminjam dan pemberi pinjam. Setiap individu tidak dapat mempengaruhi kadar faedah dan ia boleh meminjam atau memberi pinjaman pada kadar itu. Bolehkah keputusan penggunaan dan pelaburan individu dibuat secara berasingan? Jelaskan.  
[10 markah]

**Soalan 4**

- (a) Dell Computer Sdn Bhd. adalah sebuah syarikat komputer Multinasional yang mengeluarkan dan menjual komputer secara langsung kepada pengguna tanpa mengadakan kedai runcit. Strategi pemasaran sangat berbeza daripada pembekal komputer lain yang menggunakan rangkaian kedai runcit, bilik pameran dan sebagainya. Di bawah keadaan apakah strategi pemasaran Dell itu mungkin menjadi strategi dominan dalam industri komputer yang juga akan mencapai keseimbangan Nash?  
[10 markah]

- (b) Lindung nilai adalah satu fungsi yang penting dalam Bursa Komoditi. Bincangkan.

[10 markah]

Soalan 5

- (a) Seorang pengguna mempunyai fungsi utiliti  $U(Y) = 10Y - (Y^2/100000)$ . Kebarangkalian ia jatuh sakit ialah 0.15 dan jika ia sakit, ia terpaksa menggunakan 100 unit perkhidmatan perubatan yang berharga RM25 seunit. Pendapatan asalnya ialah RM10,000.

- (i) Kirakan utiliti dijangkanya.
- (ii) Andaikan fungsi permintaan perkhidmatan perubatannya ialah  $Q = 200 - 4P$  dimana Q adalah kuantiti perkhidmatan perubatan yang diminta dan P adalah harga. Terdapat syarikat insurans membekalkan polisi insurans liputan penuh. Jika ia membeli polisi insurans ini, berapakah unit perkhidmatan perubatan yang digunakannya? Berapakah unit berlebihan?
- (iii) Kirakan lebihan pengguna daripada penggunaan unit berlebihan itu. Gunakan satu rajah untuk menjelaskan jawapan anda.
- (iv) Syarikat insurans akan mengenakan premium insurans yang berasaskan kepada kos dijangka daripada penggunaan perkhidmatan perubatan di jawapan (ii). Berapakah premium adil? Jika premium sebenarnya adalah 10% lebih tinggi daripada premium adil, berapakah premium sebenar?

[10 markah]

- (b) Katakan dalam model pertumbuhan dua-sektor Uzawa, nisbah model-buruh sedang berkurangan. Tunjukkan bagaimanakah pertumbuhan mantap dan stabil akan tercapai semula.

[10 markah]